



DE 21.11.2016 5

**SEKURANG-KURANGNYA** 52 pemain boling sekitar Kota Kinabalu menyertai kejohanan UMS 10-Pin Bowling Knockout Challenge anjuran Kelab Boling Universiti Malaysia Sabah (UMS) di CPS Bowl, Centre Point Sabah, baru-baru ini.

Majlis penyampaian hadiah bagi kejohanan sempena Majlis Konvokesyen UMS ke-18 itu disempurnakan Pengerusi Kelab Boling UMS, Awang Suhaizam Bungso.

Hadir sama Pengurus kejohanan, Francisca Mosilinus; Timbalan Pengurus 1, Izham Abu Bakar dan Timbalan Pengurus 2, Razaky Mapalabong.